

SOALAN NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]
TARIKH : 20 MAC 2018
SOALAN : 46**

Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apa telah terjadi kepada cadangan pembinaan klinik kesihatan daerah Lubok Antu yang telah diumumkan kelulusannya dalam Bajet 2016 oleh Perdana Menteri tidak dilaksanakan hingga ke hari ini.

111

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memandang serius dan memantau perkembangan projek-projek fasiliti kesihatan yang dirancang dan dilaksanakan di seluruh negara tidak terkecuali di Negeri Sarawak.

Perancangan pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu yang baharu telah pun diluluskan untuk dimulakan pada tahun 2015 (*Rolling Plan* (dengan izin) Ke-4 / Rancangan Malaysia Ke-10) dengan skop projek Klinik Kesihatan Jenis 4 (KK4) dan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM35 juta. Projek ini sedang dalam peringkat perincian rekabentuk oleh juruperunding yang dilantik pihak agensi pelaksana (JKR Sarawak). Proses tender dijangka dapat dilaksanakan pada Jun 2018 setelah pembangunan pelan rekabentuk disiapkan. Kerja-kerja pembinaan di tapak dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun ini.